

BAB TIGA

PENGAMALAN MAHAR DAN HANTARAN DALAM KALANGAN

MASYARAKAT ISLAM DAERAH PULAU BANGKA

3.1. Pendahuluan

Bab ini akan menjelaskan keadaan masyarakat di wilayah yang akan dikaji secara umum diikuti dengan sejarahnya secara ringkas. Seterusnya diketengahkan analisis kajian serta penghuraian data mengenai amalan mahar dan hantaran yang diamalkan oleh masyarakat Islam daerah Pulau Bangka.

3.2. Kepulauan Bangka Belitung secara Umum

Kepulauan Bangka Belitung (Prov. Kep. Babel) merupakan salah sebuah negeri baharu yang ke-31 daripada 33 buah negeri yang ada di Indonesia dengan gelaran “Negeri Serumpun Sebalai” dengan ibu pejabat, iaitu Pangkalpinang. Sebelum menjadi negeri tersendiri, Kepulauan Bangka Belitung merupakan sebahagian daripada Negeri Sumatera Selatan. Negeri tersebut dikenali juga sebagai salah satu daripada negeri pengeluar timah terbesar di Indonesia sejak zaman penjajahan Belanda sehingga sekarang. Oleh kerana harapan dan permintaan masyarakat amat banyak agar Kepulauan Bangka Belitung tersebut menjadi sebuah negeri, maka untuk mewujudkan harapan tersebut, pada akhirnya dikeluarkan Undang-undang No. 27 Tahun 2000 mengenai Pembentukan Negeri Kepulauan Bangka Belitung sebagai asas hukum penubuhan negeri tersebut. Berdasarkan

undang-undang ini, akhirnya pada 21 Februari 2001, Pemerintah Pusat melalui Menteri Dalam Negeri yang mana pada masa itu dipimpin oleh Suryadi Soedirja, merasmikan penubuhan Negeri Kepulauan Bangka Belitung dengan Pangkalpinang sebagai ibu pejabat, sekaligus Amur Muhasyim dilantik sebagai Kepala Gabenor Negeri Kepulauan Bangka Belitung.¹⁵⁰

Setelah menjadi negeri, untuk mempercepatkan pembangunan di beberapa wilayah, Kepulauan Bangka Belitung mengalami perluasan wilayah menjadi beberapa daerah. Hal tersebut berdasarkan Undang-undang No. 5 Tahun 2003 tanggal 23 Februari 2003 tentang pembentukan daerah Bangka Selatan, Bangka Tengah, Bangka Barat dan Belitung Timur di Negeri Kepulauan Bangka Belitung.

Dengan adanya perluasan wilayah tersebut, maka wilayah Kepulauan Bangka Belitung, yang awalnya terdiri daripada satu wilayah, iaitu Pangkalpinang dan dua daerah, iaitu daerah Bangka dan Belitung, kemudian ditambah lagi menjadi empat daerah yang lain, iaitu:

1. Daerah Bangka Selatan dengan ibu pejabat Toboali.
2. Daerah Bangka Tengah dengan ibu pejabat Koba.
3. Daerah Bangka Barat dengan ibu pejabat Muntok.
4. Daerah Belitung Timur dengan ibu pejabat Manggar

Kepulauan Bangka Belitung juga merupakan gugusan pulau di Selatan Kepulauan Riau, di sebelah timur daratan Sumatera Selatan hingga selat Karimata pada koordinat $108^{\circ}58'$ Bujur Timur dan di utara gugusan Kepulauan Seribu,

¹⁵⁰ http://id.wikipedia.org/wiki/Kepulauan_Bangka_Belitung. 16 November 2011

termasuk dalam gugusan tersebut, iaitu Pulau Bangka dan Pulau Belitung. Terletak pada 104^050^1 – 109^030^1 Bujur Timur dan antara 0^050^1 Lintang Selatan – 04^010^1 Lintang Selatan. Apabila dilihat dari sempadan wilayah, Kepulauan Bangka Belitung bersempadan dengan Selat Melaka di sebelah Barat, manakala sebelah Timur dengan Selat Karimata dan sebelah Utara bersempadan dengan Laut Natuna.¹⁵¹ Sebelah Selatan Kepulauan Bangka Belitung pula bersempadan dengan Laut Jawa. Kepulauan Bangka Belitung juga memiliki kedudukan yang sangat setrategi kerana terletak di antara perairan laut Jawa dan laut China Selatan yang merupakan jalur perniagaan. Sejak dahulu, perairan ini berfungsi sebagai penghubung antara *negeri di atas angin* (sub benua India, Parsi dan Arab) dengan *negeri di bawah angin* (Nusantara dan Asia Timur, iaitu Cina).¹⁵²

Wilayah Kepulauan Bangka Belitung terbahagi menjadi wilayah daratan dan wilayah perairan dengan jumlah keluasan wilayah mencapai $81,725.14\text{ km}^2$. Luas daratan lebih kurang $16,424.14\text{ km}^2$ atau 20.10 peratus daripada keluasan wilayah Kepulauan Bangka Belitung, luas laut lebih kurang $65,301\text{ km}^2$ atau 79.9 peratus daripada keluasan wilayah Kepulauan Bangka Belitung. Wilayah daratan terbahagi menjadi enam daerah dan satu wilayah, iaitu daerah Bangka dengan luas wilayah $2,950.68\text{ km}^2$, daerah Bangka Barat dengan luas wilayah $2,820.61\text{ km}^2$, daerah Bangka Tengah dengan luas wilayah $2,155.77\text{ km}^2$, daerah Bangka Selatan dengan luas wilayah $3,607.08\text{ km}^2$, daerah Belitung dengan luas wilayah $2,293.69\text{ km}^2$, daerah Belitung Timur dengan luas wilayah $2,506.91\text{ km}^2$ dan wilayah Pangkalpinang dengan keluasan 89.40 km^2 .

¹⁵¹ <http://pa-pangkalpinang.pta-babel.net/gambaran-umum-babel.papkp>. 26 Ogos 2011.

¹⁵² [Negeri Bangka Belitung Melayu Online.com](http://negeribangkabelitungmelayuonline.com). 16 November 2011.

Oleh kerana Kepulauan Bangka Belitung merupakan gugusan dua pulau, maka ia mempunyai banyak pulau-pulau kecil di sekitarnya. Pulau-pulau kecil yang wujud di sekitar Pulau Bangka antara lain ialah Nangka, Penyu, Burung, Lepar, Pongok, Gelasa, Panjang, dan Tujuh. Manakala di sekitar Pulau Belitung terdapat pulau-pulau kecil antara lain ialah Lima, Lengkuas, Selindung, Pelanduk, Seliu, Nadu, Mendarau, Batu, Dinding, Semedang dan pulau-pulau kecil yang lain.¹⁵³

3.2.1. Sejarah Ringkas Daerah Pulau Bangka

Pulau Bangka merupakan salah satu pulau terbesar yang berada di Kepulauan Bangka Belitung (Babel). Secara geografi pula, Pulau Bangka adalah sebuah pulau yang terletak di sebelah Selatan Sumatera dengan keluasan kawasannya secara keseluruhan 11,623.54 km². Daerah Bangka Selatan lebih luas berbanding daerah-daerah lain, iaitu dengan keluasan wilayah 3,607.08 km². Manakala daerah Pangkalpinang yang merupakan bandar kepulauan ini lebih sempit dengan keluasan wilayah hanya 89.40 km².¹⁵⁴

Pusat bandar Pulau Bangka terletak di Pangkalpinang sebagai ibu pejabat Kepulauan Bangka Belitung, yang sebelumnya menurut Undang-undang Darurat No.6 yang bertarikh 16 November 1956, merupakan Daerah Autonomi Bandar Kecil Pangkalpinang. Dalam rangka penyesuaian dengan Undang-undang No. 1 tahun 1957 tentang isi Pemerintahan Daerah, maka Undang-Undang Darurat tersebut

¹⁵³ *Ibid.*

¹⁵⁴ <http://pa-pangkalpinang.pta-babel.net/gambaran-umum-babel.papkp>. 26 Ogos 2011.

ditukar dengan UU No. 28 tahun 1959¹⁵⁵ sehingga Pangkalpinang disebut Kotapraja.¹⁵⁶

Pulau Bangka dikenali sebagai pulau timah (*Tin Island*) kerana banyak timah yang dihasilkan daripada penjelajahan pertambangan. Sekitar tahun 1709, timah yang mula-mula ditemukan digali di Sungai Olin di daerah Toboali oleh masyarakat Johor daripada pengalaman mereka di semenanjung Melaka. Bermula dengan penemuan timah ini, Pulau Bangka banyak disinggahi oleh pelbagai perahu dari Asia mahupun Eropah. Syarikat-syarikat penggalian timah juga semakin maju, sehingga Sultan Palembang mengirimkan orang-orangnya ke Semenanjung Negeri China untuk mencari tenaga-tenaga mahir yang sangat diperlukan. Pada tahun 1717, perhubungan jual beli dengan Belanda untuk penjualan timah mula diadakan. Pada tahun 1755, pemerintah Belanda mengirimkan misi jual belinya ke Palembang yang dipimpin oleh Van Haak yang bertujuan untuk meninjau hasil timah dan lada di Bangka. Sekitar tahun 1722, Belanda mengadakan perjanjian perikatan dengan Sultan Ratu Anum Kamaruddin untuk membeli timah secara monopoli. Menurut laporan Van Haak, di antara isi perjanjian antara pemerintah Belanda dan Sultan Palembang ialah:

1. Sultan hanya menjual timahnya kepada pemerintah Belanda.
2. Pemerintah Belanda dapat membeli timah sejumlah yang diperlukan.¹⁵⁷

Akibat daripada perjanjian ini, banyak timah hasil Pulau Bangka dijual dengan cara menyeludup diam-diam ke tempat-tempat lain supaya lebih menguntungkan.

¹⁵⁵ http://id.wikipedia.org/wiki/Kepulauan_Bangka_Belitung. 16 November 2011.

¹⁵⁶ Sekarang disebut sebagai Kotamadya.

¹⁵⁷ [Negeri Bangka Belitung Melayu Online.com](http://Negeri_Bangka_Belitung_Melayu_Online.com). 16 November 2011.

Seterusnya pada tahun 1803, pemerintah Belanda mengirimkan misi berikutnya yang dipimpin oleh V.D. Bogarts dan Kapten Lombart, yang bertujuan untuk mengadakan penyelidikan dengan saksama tentang timah di Bangka.¹⁵⁸ Namun, kecurangan, pemerasan, pengurasan dan pengangkutan hasil timah sememana yang dilakukan oleh Belanda dan Inggeris menyebabkan kesabaran rakyat hilang. Pengambilan hasil timah tersebut sama sekali tidak memikirkan nasib peribumi. Oleh yang demikian, timbul pemberontakan serta pergolakan. Selama bertahun-tahun, rakyat Bangka mengadakan perlawanan, berjuang habis-habisan untuk mengusir Belanda dari daerah Bangka, di bawah pimpinan Depati Merawang, Depati Amir, Depati Bahrin, Tikal dan lain-lain.¹⁵⁹

Kemudian selepas kemerdekaan sehingga sekarang, terdapat juga berberapa tokoh Kebangsaan Indonesia yang terkenal dilahirkan di Pulau Bangka, iaitu H M. Arub, SH (Bekas Wakil Gubernur Sumatera Selatan), Prof. Dr. Sofian Effendi, MPIA (Bekas Rektor UGM Yogyakarta), Prof. Dr. Djalaluddin (Bekas Rektor IAIN Raden Fatah Palembang), Prof. Dr. Djamaruddin Ancok (Guru Besar Psikologi UGM), Antasari Azhar, SH (Bekas Ketua Komisi Pemberantasan Korupsi), dan Marsekal Muda TNI Dr. Rio Mendung (Wakil Gubernur Lemhanas).¹⁶⁰

3.2.2. Status Asas Kualiti Hidup di Pulau Bangka

3.2.2.1. Geografi

¹⁵⁸ *Ibid*

¹⁵⁹ *Ibid.*

¹⁶⁰ http://id.wikipedia.org/wiki/Kepulauan_Bangka_Belitung 16 November 2011

1. Keadaan muka bumi

Sebahagian besar keadaan muka bumi Pulau Bangka merupakan dataran rendah, berair dan hanya sebahagian kecil pegunungan dan perbukitan. Ketinggian dataran rendah purata 50 meter dari atas permukaan laut. Manakala ketinggian daerah pegunungan seperti Gunung Maras mencapai 699 meter, dan Gunung Tajam Kaki mencapai ketinggian lebih kurang 500 meter di atas permukaan laut. Bagi daerah perbukitan seperti Bukit Menumbung, ketinggiannya mencapai lebih kurang 445 meter dan Bukit Mangkol dengan ketinggian sekitar 395 meter dari atas permukaan laut.¹⁶¹

2. Hidrologi

Pulau Bangka Belitung dihubungkan oleh perairan laut dan pulau-pulau kecil. Secara keseluruhan, dataran dan perairan Pulau Bangka merupakan satu kesatuan daripada bahagian dataran Sunda, sehingga perairannya merupakan bahagian Dangkalan Sunda (*Sunda Shelf*) dengan kedalaman laut tidak melebihi 30 meter. Perairan tersebut terbahagi kepada dua jenis perairan, iaitu perairan terbuka dan perairan air semi tertutup. Perairan terbuka yang terdapat di sekitar Pulau Bangka, terletak di bahagian utara, timur dan selatan Pulau Bangka. Manakala perairan semi tertutup terdapat di Selat Bangka dan Teluk Kelabat di Bangka Utara. Dengan demikian, perairan di Pulau Bangka umumnya bersifat perairan terbuka.¹⁶²

Selain sebagai daerah perairan, Pulau Bangka juga mempunyai banyak sungai seperti Sungai Baturusa, Sungai Buluh, Sungai Kotawaringin, Sungai Kampa, Sungai

¹⁶¹ <http://pa-pangkalpinang.pta-babel.net/gambaran-umum-babel.papkp>. 26 Ogos 2011.

¹⁶² *Ibid.*

Layang, Sungai Manise dan Sungai Kurau. Pada umumnya, sungai-sungai di daerah Pulau Bangka berhulu dari daerah perbukitan dan pegunungan yang berada di tengah Pulau Bangka, serta bermuara ke pantai laut. Sungai-sungai tersebut berfungsi sebagai kemudahan pengangkutan dan belum dimanfaatkan untuk pertanian dan perikanan kerana para nelayan lebih suka mencari ikan di laut. Pada asalnya, di Pulau Bangka tidak mempunyai danau alam, tetapi yang wujud hanya bekas penambangan bijih timah yang luas sehingga menjadikannya seperti danau buatan yang disebut kolong.¹⁶³

3. Cuaca

Kelembapan udara di Pulau Bangka di antara 77.4 peratus hingga 87.3 peratus dengan purata setiap bulan mencapai 83.1 peratus, dengan curah hujan antara 58.3 mm hingga 476.3 mm dan tekanan udara sepanjang tahun 2007 sekitar 1,010.1 MBS. Suhu udara sepanjang tahun mencapai purata 26.7°C dengan suhu udara purata maksimum 29.9°C dan suhu udara purata minimum 24.9°C . Suhu udara maksimum tertinggi terjadi pada bulan Oktober dengan suhu udara 31.7°C . Manakala untuk suhu udara minimum terendah terjadi pada bulan Februari dan Mac dengan suhu udara sebesar 23.2°C .¹⁶⁴

4. Iklim

Pulau Bangka beriklim tropika jenis A dengan variasi curahan hujan antara 82.1 hingga 372.7 mm setiap bulan untuk tahun 2008. Curahan hujan terendah

¹⁶³ Badan Pusat Statistik Kabupaten Bangka (2010), *Bangka dalam Angka 2009/2010*. Bangka: BPS, h. 4.

¹⁶⁴ http://id.wikipedia.org/wiki/Kepulauan_Bangka_Belitung. 16 November 2011.

berlaku pada bulan Julai. Manakala suhu purata daerah Pulau Bangka berdasarkan data dari Stasiun Meteorologi Pangkalpinang menunjukkan variasi antara 25.9 °C hingga 27.5 °C. Kelembaban udara di daerah Pulau Bangka bervariasi antara 77.0 hingga 86.3 peratus pada tahun 2008. Intensiti penyinaran matahari pada tahun 2008 secara purata bervariasi di antara 17.3 hingga 72.5 peratus dan tekanan udara antara 1,008.3 hingga 1,010.0 mb.¹⁶⁵

5. Keadaan Tanah

Tanah di daerah Kabupaten Bangka mempunyai kadar keasidan air tanah dengan purata di bawah 5. Di dalamnya mengandungi mineral biji timah dan bahan galian lain, seperti pasir kwarsa, kaolin, batu gunung dan sebagainya. Bentuk dan keadaan tanah di daerah Pulau Bangka adalah seperti berikut:

1. 4 peratus berbukit seperti Gunung Maras lebih kurang 699 meter, Bukit Pelawan, Bukit Rebo dan lain-lain. Jenis tanah perbukitan tersebut adalah kompleks podsolistik coklat kekuning-kuningan dan litosol berasal dari Batu Plutonik Masam.
2. 51 peratus berombak dan bergelombang, tanah berjenis Asosiasi Podsolik coklat kekuning-kuningan dengan bahan induk kompleks batu pasir kwarsit dan Batuan Plutonik Masam.
3. 20 peratus lembah atau datar dan berombak, jenis tanahnya asosiasi podsolistik berasal dari kompleks Batu Pasir dan Kwarsit.¹⁶⁶

¹⁶⁵ Badan Pusat Statistik Kabupaten Bangka (2010), *op. cit*, h. 3.

¹⁶⁶ *Ibid.*

3.2.2.2. Demografi

1. Kependudukan

Jumlah penduduk daerah Pulau Bangka pada tahun 2010 adalah seramai 961,098 orang, dengan 47.03 peratus daripadanya tinggal di wilayah perkotaan. Kepadatan penduduk purata di daerah Pulau Bangka adalah seramai 88 orang/km², dengan tumpuan bandar Sungailiat (Bangka Induk) dan Bandar Pangkalpinang. Lihat jadual 3.1.

**Jadual 3.1. Jumlah Penduduk Pulau Bangka menurut Jantina
di semua Daerah Tahun 2010**

No	Daerah	Jantina		Jumlah
		Lelaki	Perempuan	
1	Bangka Induk	144,362	132,842	277,204
2	Pangkalpinang	89,500	85,258	174,758
3	Bangka Selatan	89,510	83,018	172,758
4	Bangka Tengah	84,424	76,804	161,228
5	Bangka Barat	91,264	83,886	175,150
Jumlah		899,060	461,808	961,098

Sumber data: *Diubah suai daripada data Badan Pusat Statistik Negeri Kepulauan Bangka Belitung 2010*

Melihat pada jadual di atas, jumlah penduduk pulau Bangka adalah seramai 961,098 sama ada lelaki perempuan. Manakala secara keseluruhan penduduk lelaki lebih ramai berbanding dengan perempuan, iaitu penduduk lelaki seramai 899,060 orang dan penduduk perempuan seramai 461,808 orang. Pertumbuhan penduduk

daerah Bangka Induk pada tahun 2010 relatif lebih tinggi berbanding dengan penduduk di daerah lain, dengan jumlah penduduk seramai 277,204 orang.

2. Keetnikan dan bahasa


Lambakan para pendatang dari pelbagai daerah di Indonesia telah menjadikan masyarakat di Pulau Bangka beragam (*heterogen*). Bahkan terdapat pelbagai jenis suku bangsa bercampur dan berkembang antaranya para penduduk dari suku Bugis, Madura, dan Buton. Terdapat pula Suku Jawa, Bali, dari daerah Sumatera (Batak, Aceh, Palembang, Padang, dan lain-lain), Ambon dan lain-lain lagi.

Dalam masyarakat yang beragam inilah, segala gerak kehidupan mereka bercampur. Setiap individu selalu sibuk dan bekerja kuat untuk mencari nafkah. Para pegawai kerajaan dan pekerja kilang-kilang timah menduduki wilayah persekitaran bandar. Manakala yang bekerja sebagai petani atau berkebun menduduki daerah perkampungan yang jauh dari wilayah bandar. Namun, hal itu tidak menimbulkan pengaruh yang negatif pada mereka disebabkan komunikasi yang selalu dijaga dengan baik.

Penduduk Pulau Bangka pada umumnya berasal dari rumpun Melayu (71.89%). Namun demikian, terdapat golongan minoriti etnik lain, seperti Tionghwa (11.54%), Jawa (5.82%), Bugis (2.69%), Madura (1.11%) dan beberapa etnik lain (6.95%).¹⁶⁷ Masyarakat Tionghwa umumnya tinggal di daerah bandar dan bergerak di sektor perniagaan. Terdapat pula beberapa kawasan yang menjadi pusat pengumpulan masyarakat Tionghwa.

¹⁶⁷ http://id.wikipedia.org/wiki/Kepulauan_Bangka_Belitung. 16 November 2011.

Rajah 1



Bahasa Melayu merupakan bahasa daerah yang digunakan sebagai bahasa perbualan sehari-hari. Namun demikian, bahasa Melayu yang digunakan sudah mengalami perubahan mengikuti dialek tempatan seperti mana dalam bahasa Melayu Bangka dan Bahasa Melayu Belitung yang selalu berubah-ubah. Manakala masyarakat Tionghwa menggunakan bahasa Tionghwa sesama mereka. Namun begitu, antara satu dengan yang lain tetap menggunakan bahasa Indonesia sebagai bahasa kesatuan.


3. Agama

Agama Islam dianut oleh 78.70 peratus penduduk di Pulau Bangka, diikuti dengan agama Kristian Protestan 3.16 peratus, Kristian Katolik 2.80 peratus, Budha 9.13 peratus, Hindu 0.07 peratus dan Kong Hu Cu 2.31 peratus.¹⁶⁸ Pada tahun 2008, jumlah tempat peribadatan di Pulau Bangka terdiri daripada masjid sebanyak 504 unit, surau 347 unit, gereja 162 unit, vihara 48 unit, krenteng 75 unit dan pura 5

¹⁶⁸ http://www.bangka.go.id/content.php?id_content=Agama. 12 Ogos 2011.

unit.¹⁶⁹ Dengan demikian, Islam merupakan agama majoriti yang dianut oleh penduduk berbanding dengan penganut agama Kristian, Hindu, Budha mahupun aliran kepercayaan Kong Hu Cu.

Rajah 2



Walaupun demikian, agama yang minoriti tetap diberi peluang untuk menjalankan ibadah mereka seperti tradisi Peh Cun¹⁷⁰ yang dilakukan oleh masyarakat Cina masih tetap dipelihara. Pada hari Peh Cun tersebut, masyarakat Cina beramai-ramai pergi ke pantai untuk menjalankan upacara kepercayaan mereka.

Manakala jumlah perkahwinan daripada penduduk yang beragama Islam di daerah Pulau Bangka dapat diperhatikan pada jadual berikut:

¹⁶⁹ http://babel.kemeneg.go.id/file/dokumen/sarana_keagamaan.JPG. 12 Ogos 2011

¹⁷⁰ Dikenal dengan sebutan festival Peh Cun dalam kalangan Tionghwa-Indonesia, iaitu salah satu festival penting dalam kebudayaan dan sejarah Cina. Peh Cun adalah dialek Hokkian untuk kata *pachuan* bermaksud mendayung perahu. Walaupun perlumbaan perahu naga bukan lagi praktik umum dalam kalangan Tionghwa-Indonesia, namun istilah Peh Cun tetap digunakan untuk menyebut festival ini. Festival ini dirayakan setiap tahun pada tarikh 5 bulan 5 penanggalan Imlek dan telah berumur lebih 2300 tahun dihitung dari masa Dinasti Zhou. Lihat http://id.wikipedia.org/wiki/Peh_Cun. 16 November 2011.

Jadual 3.2.

Jumlah perkahwinan penduduk yang beragama Islam di daerah Pulau Bangka dari tahun 2006 hingga 2010

No	Tahun	Daerah				
		Bangka Induk	Pangkalpinang	Bangka Selatan	Bangka Barat	Bangka Tengah
1	2006	2,366	1,489	1,929	1,576	1,380
2	2007	2,387	1,439	1,826	1,655	1,416
3	2008	2,851	1,440	2,187	2,002	1,676
4	2009	2,377	1,448	1,709	1,603	1,403
5	2010	2,756	1,429	2,464	1,805	1,709
Jumlah		12,737	7,245	10,115	8,641	7,584

Sumber data: *Diubah suai daripada data di Jabatan Kementerian Agama Kepulauan Bangka Belitung 2010*

Pertambahan jumlah penduduk di negeri Bangka Belitung turut mempengaruhi peristiwa perkahwinan yang sentiasa mengalami penambahan dari tahun ke tahun. Keadaan ini dibuktikan dari tahun 2006 sehingga tahun 2010 di daerah Bangka Induk yang mana penduduknya paling ramai, penduduk yang berkahwin menunjukkan jumlah sebanyak 12,737 perkahwinan. Seterusnya ialah daerah Bangka Selatan sebanyak 10,115 perkahwinan. Manakala daerah Pangkalpinang adalah paling sedikit walaupun berada di pusat Bandar, iaitu sebanyak 7,245 perkahwinan.

4. Ekonomi

Keadaan ekonomi di daerah Pulau Bangka terbahagi kepada sektor primer dan sekunder. Sektor primer meliputi sektor pertanian, sektor pertambangan dan juga

penggalian. Sektor primer ini mempunyai sumbangan cukup besar sebanyak 18.67 peratus dan 20.40 peratus. Manakala pada sektor sekunder, iaitu sektor industri pengolahan dan kerajinan memberikan sumbangan yang cukup besar sebanyak 22.51 peratus.¹⁷¹

Pada tahun 2007, sektor industri secara kuantiti mempunyai sebanyak 1,187 unit usaha yang tersebar di seluruh wilayah bandar. Industri terbanyak adalah di wilayah Bangka Tengah sebanyak 339 unit usaha. Industri kerajinan tersebut merupakan industri yang mengolah hasil agro industri, perikanan, perkebunan dan hasil laut. Industri kerajinan yang diusahakan penduduk adalah kerajinan tangan berupa industri *pewter*¹⁷² daripada bahan timah, begitu juga gelang, cincin, tongkat yang diperbuat daripada akar bahar serta anyaman kopiah resam dan sebagainya. Industri kerajinan yang berupa makanan pula adalah seperti belacan, rusip, keropok, siput gonggong dan yang lainnya.¹⁷³

Dari segi sumber penghidupan masyarakat Bangka, ramai yang menjadi petani, nelayan, pegawai tambang dan berniaga sebagai mata pencaharian utama sehari-hari. Penambangan timah dilakukan di mana-mana dari seluruh daratan hingga ke perairan. Manakala yang bertani, tanaman yang ditanam berupa getah, lada (*sahang*), kelapa dan kelapa sawit, kerana tanah di Pulau Bangka sangat sesuai untuk tanaman tersebut. Sebahagian besar hasil tanaman tersebut dijual ke luar daerah

¹⁷¹ http://id.wikipedia.org/wiki/Kepulauan_Bangka_Belitung. 16 November 2011.

¹⁷² Pewter adalah paduan logam ditempa dengan 85-99 peratus timah asli, sedangkan lebihnya terdiri dari tembaga, bismut antimon, dan timah. Tembaga dan antimon bertindak sebagai pengeras akan tetapi kadarnya lebih rendah daripada timah dan memiliki warna kebiru-biruan. Lihat <http://en.wikipedia.org/wiki/Pewter>. 16 November 2011.

¹⁷³ http://id.wikipedia.org/wiki/Kepulauan_Bangka_Belitung. 16 November 2011.

bahkan ke luar negara sehingga mendorong mereka untuk meningkatkan usaha dalam bidang pertanian tersebut.

Selain itu, perairan Pulau Bangka juga kaya dengan pelbagai jenis ikan sehingga membuat para nelayan dari daerah-daerah lain tertarik. Misalnya nelayan dari suku Bugis, pada mulanya mereka hanya sekadar datang pada waktu menangkap ikan, tetapi lama-kelamaan mereka kemudian menetap dan bercampur dengan masyarakat serta membuat perkampungan sendiri. Begitu juga yang diamalkan oleh masyarakat Madura, iaitu dengan membawa lembunya untuk dijual di Pulau Bangka, terutamanya semasa musim Hari Raya Aidil Fitri dan Aidil Adha.

3.3. Latar Belakang Responden

Untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan amalan mahar dan hantaran perkahwinan dalam kalangan masyarakat Islam daerah Pulau Bangka, maka pengkaji menggunakan kaedah temu bual secara mendalam bagi mendapatkan gambaran dan jawapan yang lebih jitu.

Sebanyak sepuluh orang responden telah dipilih mengikut ciri-ciri yang telah ditetapkan, iaitu mereka mewakili masyarakat Islam dari lima daerah di Pulau Bangka, iaitu enam orang lelaki dan empat orang perempuan sama ada mereka telah berkahwin atau belum.

Responden yang dipilih daripada pihak lelaki lebih banyak berbanding perempuan kerana temu bual yang dibuat lebih difokuskan kepada mereka yang telah

mengetahui keadaan masyarakat tersebut. Walaupun demikian, pemerhatian juga turut dijalankan untuk mengetahui amalan mereka mengenai mahar dan hantaran.

Pengkaji telah menyediakan beberapa soalan temu bual yang berkaitan dengan objektif kajian yang ingin dicapai. Selain itu, soalan-soalan tambahan dan secara spontan turut diajukan kepada responden berdasarkan jawapan dan respon yang diberikan oleh mereka untuk mendapatkan maklumat yang lebih terperinci.

3.3.1. Umur dan Asal Responden

Pengkaji telah menemu bual sepuluh orang responden yang terdiri daripada pelbagai lapisan umur dan menetap di daerah yang berbeza. Perbezaan ini amat penting untuk membantu pengkaji melihat amalan mahar dan hantaran di setiap daerah tertentu yang diwakili oleh responden yang telah ditemu bual. pengkaji juga melihat tahap pemahaman masyarakat Islam di daerah Pulau Bangka dalam amalan tersebut.

Daripada sepuluh orang responden ini, seramai dua orang (20%) berumur dalam lingkungan 20 hingga 30 tahun, 2 orang (20%) berusia 31 hingga 40 tahun, empat orang (40%) berusia 41 hingga 50 tahun, seorang (10%) berusia 51 hingga 60 tahun dan seorang sahaja (10%) yang berusia 61 hingga 70 tahun. Laporan ini dapat dilihat dalam jadual 3.3.

Jadual 3.3
Umur Responden

Jantina	Umur				
	20-30 tahun	31-40 tahun	41-50 tahun	51-60 tahun	61-70 tahun
Lelaki	1 orang (10%)	1 orang (10%)	2 orang (20%)	1 orang (10%)	1 orang (10%)
Perempuan	1 orang (10%)	1 orang (10%)	2 orang (20%)	0	0
Jumlah	2 orang (20%)	2 orang (20%)	4 orang (40%)	1 orang (10%)	1 orang (10%)
Jumlah Keseluruhan	10 orang (100%)				

Jadual 3.4 menjelaskan daerah tempat menetap sepuluh responden yang telah ditemui bual pengkaji. Jika dilihat pada jadual, responden yang menetap dari satu daerah dengan daerah lain yang ada di Pulau Bangka adalah sama banyak. Hal ini kerana setiap responden mewakili daerah di mana mereka menetap.


Jadual 3.4
Daerah Menetap Responden

Jantina	Daerah Menetap				
	Bangka Induk	Pangkalpinang	Bangka Selatan	Bangka Tengah	Bangka Barat
Lelaki	1 orang (10%)	2 orang (20%)	1 orang (10%)	1 orang (10%)	1 orang (10%)
Perempuan	1 orang (10%)	0	1 orang (10%)	1 orang (10%)	1 orang (10%)
Jumlah	2 orang (20%)	2 orang (20%)	2 orang (20%)	2 orang (20%)	2 orang (20%)
Jumlah Keseluruhan	10 orang (100%)				

3.3.2. Status Perkahwinan Responden

Status perkahwinan responden dalam kajian ini amat penting bagi pengkaji untuk mendapatkan maklumat daripada pengalaman mereka sama ada pengalaman peribadi atau pengalaman dalam masyarakat daerah yang mereka tinggal dalam hal ehwal perkahwinan, terutamanya daripada aspek amalan mahar dan hantaran. Oleh itu, dalam kajian ini, responden yang telah berkahwin lebih banyak berbanding responden yang belum berkahwin. Daripada sepuluh orang responden, sebanyak tujuh orang (70%) telah berkahwin dan tiga orang (30%) belum berkahwin. Lihat rajah 3.

Rajah 3



3.4. Dapatan Kajian

Hasil kajian dan beberapa dapatan berkaitan kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji akan dibincangkan dalam bahagian ini. Ia meliputi beberapa aspek berikut:

3.4.1. Amalan mahar dan hantaran dalam perkahwinan

Kebanyakan masyarakat Islam daerah Pulau Bangka telah mengamalkan pemberian mahar secara tradisi daripada generasi terdahulu. Walaupun begitu, perkataan mas kahwin sering digunakan oleh masyarakat berbanding dengan perkataan mahar. Hal ini kerana mahar yang sering diberikan adalah sesuatu yang terbuat daripada emas, seperti cincin, gelang atau rantai. Manakala “mas kawin” bermaksud emas untuk kahwin. Walaupun bermaksud demikian, ada dalam kalangan masyarakat sekarang yang tidak lagi memberikan emas sebagai mahar dalam sesebuah perkahwinan. Malah ramai yang menjadikan wang atau sepasang alat solat untuk mas kahwinnya.¹⁷⁴

Mengikut amalan dalam kalangan masyarakat Islam Pulau Bangka, tiada ditentukan kadar tertentu terhadap mahar. Penetapan mahar biasanya ditentukan menurut adat kebiasaan setempat dan juga perbincangan antara kedua-dua pihak yang akan berkahwin. Kebiasaannya juga kadar mahar untuk mereka yang duduk di sekitar bandar adalah lebih tinggi berbanding daerah perkampungan. Hal ini kerana masyarakat di sekitar bandar lebih gemar menjadikan emas sebagai mahar dalam perkahwinannya.

Hantaran bagi masyarakat Pulau Bangka pula merupakan amalan yang selalu berhubung kait dengan pemberian mahar dalam sesebuah perkahwinan. Malah hantaran dianggap salah satu perkara yang tidak kurang pentingnya di samping mahar. Mengikut amalan masyarakat Islam daerah Pulau Bangka selama ini,

¹⁷⁴ Temu bual bersama Tuan Syarifuddin Razak, Pengetua Kantor Urusan Agama (KUA) Pangkal Balam, Bandar Pangkal Pinang pada tarikh 22 Ogos 2011.

hantaran wujud dalam dua keadaan, iaitu dalam bentuk benda seperti pakaian, makanan, perhiasan dan lain-lain. Hantaran dalam bentuk pakaian dan perhiasan lebih banyak diamalkan dalam kalangan masyarakat Pulau Bangka bagi menyerikan lagi suasana perkahwinan semasa majlis akad dilaksanakan. Manakala hantaran berupa makanan jarang diamalkan oleh sesetengah masyarakat Islam di Pulau Bangka. Hal ini diyakini kerana hantaran berupa makanan tidak dapat dikenalkan dan cepat habis berbanding dengan pakaian dan perhiasan. Namun begitu, di daerah perkampungan Bugis “diwajibkan” memberikan hantaran berupa bahan makanan untuk pelaksanaan majlis kenduri perkahwinan, sama ada berupa beras, gula, tepung, dan sebagainya. Sebagaimana yang dinyatakan oleh responden kedua seperti berikut:¹⁷⁵

“....hantarannya lagi ni...aaa...emas....beras dua ratus kilogram...gula lima puluh kilogram, gendum dua kampil, minyak kelapa dua jerigen....apetu....gendum...sagunya satu kampil. Itu disebutkan..”

Hantaran jenis kedua ialah dalam bentuk wang tunai atau lebih terkenal dengan istilah “pengantar”. Apabila disebut “pengantarnya berapa?”, maka jelaslah pada fikiran pihak keluarga pengantin lelaki bahawa yang dimaksudkan adalah kadar wang hantaran.¹⁷⁶ Walaupun kedua-dua bentuk pemberian tersebut tidak diwajibkan, tetapi hantaran dalam bentuk ini adalah satu bentuk pemberian yang “wajib” di samping mahar bagi melengkapkan sesebuah perkahwinan walaupun kadar hantarannya sedikit.

Meskipun hantaran berbentuk wang merupakan satu kewajipan yang sudah disepakati amalannya oleh masyarakat, namun ia tidak menjadi peraturan yang wajib

¹⁷⁵ Temu bual bersama Tuan Dollar, tokoh masyarakat pada perkampungan orang Bugis, Sungai Liat, daerah Bangka Induk pada tarikh 23 Ogos 2011.

¹⁷⁶ Temu bual bersama Tuan Syarifuddin Razak, *op. cit.*

diikuti kerana tidak wujud peraturan dalam Undang-undang Perkahwinan tahun 1974 dan Kompilasi Hukum Islam yang berkenaan dengan amalan tersebut. Undang-undang Perkahwinan tahun 1974 hanya mengharuskan setiap perkahwinan mesti dicatit menurut peraturan perundangan yang berlaku.¹⁷⁷

Hakikatnya, penggunaan istilah penetapan mahar tidak pernah wujud dalam pengamalan masyarakat selama ini. Hanya daripada sudut praktikalnya sahaja amalan tersebut telah wujud. Majlis tersebut dikenali oleh masyarakat tempatan sebagai *silaturrahim* antara kedua belah pihak keluarga. Selain itu juga, *silaturrahim* tersebut digunakan untuk menetapkan kadar hantaran dan hari perkahwinan.¹⁷⁸

Majlis tersebut selalunya dilakukan di rumah pengantin perempuan dan ia dihadiri oleh keluarga kedua belah pihak. Mengikut amalan masyarakat di sini, tugas menetap kadar hantaran akan diberikan kepada orang yang berpengalaman seperti datuk dan bapa keluarga. Namun, kadang kala tugas ini juga diberikan kepada orang yang berpengaruh seperti ketua kampung, imam dan orang-orang alim di dalam kampung tersebut.¹⁷⁹

Proses penetapan ini biasanya dimulakan oleh wakil pihak lelaki yang akan meminta wakil pihak perempuan menyatakan jumlah wang hantaran. Satu perkara yang menjadi adat bagi masyarakat Pulau Bangka semasa majlis tersebut ialah penggunaan istilah “Ikak naikken, kami nurunken”. Persetujuan kedua-dua pihak menggunakan istilah ini sebenarnya turut mempengaruhi jumlah wang hantaran yang

¹⁷⁷ Lihat Undang-undang Perkawinan No. 1 tahun 1974, bab I, pasal 2, ayat 2.

¹⁷⁸ Temu bual bersama Encik Samsul Bahri, Juru Nikah Kampung Parittiga, daerah Bangka Barat pada tarikh 4 Januari 2012.

¹⁷⁹ *Ibid.*

akan diberikan. Maksud “Ikak naikken” ialah wakil pihak lelaki menambah jumlah wang yang akan diberikan kepada pihak perempuan. Manakala istilah “kami nurunken” bermaksud pihak perempuan boleh mengurangkan jumlah wang hantaran yang mesti diberikan oleh pihak lelaki. Namun, perkara ini kebiasaannya berlaku apabila persetujuan antara kedua-dua belah pihak tidak wujud sebagaimana penjelasan responden kedua seperti berikut:¹⁸⁰

“...biasanya kalau dalam hal seperti ini, itu biasanya si pihak perempuan tu kan terlampau tinggi menarok harga, pihak laki-laki nanti jalan belakang lagi, berbicara dengan pihak perempuan, dari yang biasa di dengar kata-kata pihak perempuan tu,”tolonglah jangan begitu, kami hanya sanggup sekian”. Ada pantunnya lagi, “ibaratnya kalau bukit mau kita daki tu, jalannya licin mana berbatu lagi, tanjakan tinggi mungkin kami ngelongsor ke bawah dak bisa sampai ke atas, jadi macam mana? Jangan tinggi sangatlah tuk kedudukannya”, begitu. Si pihak perempuan menjawab” Okelah, jadi kira-kira berapa kita setuju? kamu naik, eh,, begini, kamu yang naik, saya yang turun” kata si pihak perempuan tadi begitu. Artinya perempuan yang menurunkan dari patokannya tadi, si laki-laki ni tadi menaikkan, baru ada kesepakatan.”

Pemakluman kadar mahar juga penting dalam majlis perkahwinan bagi mengelakkan kekeliruan semasa mengisi borang pendaftaran perkahwinan di Pejabat Urusan Agama tempatan yang mengendalikan urusan perkahwinan. Borang pendaftaran perkahwinan tersebut mestilah diisi satu minggu sebelum acara pelaksanaan akad perkahwinan. Hal ini dilakukan untuk mengelakkan pasangan pengantin yang tidak mendaftar di Pejabat Urusan Agama tempatan. Perkara ini banyak berlaku terhadap sesetengah masyarakat Islam di Pulau Bangka, khususnya mereka yang menetap di daerah perkampungan.¹⁸¹

¹⁸⁰ Temu bual bersama Tuan Dollar, *op. cit.*

¹⁸¹ Encik Sofyan, Pengetua Kantor Urusan Agama (KUA) Simpang Katis, daerah Bangka Tengah pada tarikh 18 Ogos 2011.

Kemudian selepas perbincangan dijalankan dan persetujuan dicapai, barulah hari pelaksanaan majlis perkahwinan ditetapkan antara kedua-dua belah pihak. Pelaksanaan majlis perkahwinan lazimnya dilakukan ketika bulan Syawal selepas Hari Raya Aidil Fitri atau ketika sekolah sedang bercuti. Majlis perkahwinan dilaksanakan pada waktu-waktu tersebut adalah bertujuan agar saudara-mara yang duduk jauh daripada kedua-dua pihak pengantin dapat menghadiri majlis tersebut sehingga suasana proses perkahwinan menjadi ceria dan meriah. Bahkan ia juga bertujuan untuk menunjukkan kemesraan di antara kedua-dua pihak keluarga pengantin yang bakal menjadi satu keluarga besar supaya saling mengenal antara satu dengan yang lain.

3.4.2. Pemahaman mengenai mahar dan hantaran

Pada asasnya, hukum memberi mahar adalah hal yang disyariatkan dengan beberapa dalil yang termaktub dalam al-Qur`ān dan al-hadīth. Manakala memberi hantaran adalah harus, selama ia tidak bercanggah dengan prinsip Islam. Oleh kerana itu, sepatutnya perkara yang wajib lebih diutamakan berbanding perkara yang dibolehkan.

Namun, berlainan keadaannya dengan amalan yang berlaku dalam kalangan masyarakat Islam Pulau Bangka. Jika diamati, masyarakat Islam Pulau Bangka lebih cenderung mementingkan hantaran daripada mahar. Hal ini kerana amalan pemberian hantaran turut dipengaruhi adat daerah mereka yang pelbagai. Kenyataan ini adalah berpandukan daripada responden ketujuh, yang sudah menjadi jurunikah di

kampung Parittiga, daerah Bangka Barat wilayah Kepulauan Bangka Belitung sejak tahun 1997 hingga sekarang seperti dalam penjelasan beliau:¹⁸²

“memang pada umumnya masyarakat di sini lebih melihat kepada hantaran....memang seperti Bugis itu hantarannya harus sekian... Itulah jieku, kadang-kadang orang itu masih membawa adat dari tempatnya asal mereka”.

Perkara ini mungkin berlaku disebabkan masyarakat Islam daerah Pulau Bangka kurang memahami hikmah pensyariatan mahar. Oleh sebab itu, mereka lebih cenderung meninggikan kadar hantaran. Kenyataan ini dapat diamati, iaitu lelaki yang hendak berkahwin mengalami masalah sebelum melamar calon isterinya tentang kadar hantaran yang akan diberikan kepada pihak calon isteri. Namun begitu, untuk kadar mahar, pihak lelaki berkeyakinan sanggup membayarnya kepada calon pengantin perempuan sepertimana yang dinyatakan oleh responden keempat seperti berikut:¹⁸³

“...mikir serahan e tu, ape name e?...hantaran auk. Men cuma` mas kawin tu, pacak lah... hantaran e tu yang dak tahan, lom agik kek pesta e”

(“harus memikir serahannya itu, apa namanya?....hantaran kan. Jika hanya memberi maskahwin, kita sanggup....tapi hantarannya yang tidak sanggup, belum lagi nak fikir untuk walimahnya...”)

Walaupun demikian, sepanjang pemerhatian yang dilakukan pengkaji, masyarakat Islam daerah Pulau Bangka memahami kedudukan (hukum) mahar dan hantaran dalam syari`at Islam. Mahar dalam hukum Islam adalah wajib dan hak

¹⁸² Temu bual bersama Encik Samsul Bahri, *op. cit.*

¹⁸³ Temu bual bersama Afriadi, masyarakat daerah Bangka Selatan yang belum berkahwin pada tarikh 5 September 2011.

mutlak isteri manakala memberi hantaran adalah harus seperti pernyataan responden keenam sebagaimana berikut:¹⁸⁴

“secara umum memang mereka memahami hukum mahar tu wajib, harus diberikan sewaktu akad nikah....kalok hantaran atau seserahan tu sekedar be.....atau sampingan ok....Cuma kadang-kadang kurang faham makna secara filosofi tu seperti apa...hakekat mahar tu seperti apaharap maklumlah,yang terjadi selama ini ken...mereka apa tuh...mereka tu nikah tu kadang-kdang, itulah ken,...apa notivasi e berbeda-beda..terkadang-kadang...kecuali yang sudah berpendidikan ken,”

Pemahaman akan kewajipan mahar ini juga dapat diamati bahawa sesetengah lelaki akan memberikan mahar daripada hasil pendapatannya sendiri. Hal ini kerana mereka berkeyakinan mahar merupakan *nafkah awwal*¹⁸⁵ bagi pengantin perempuan yang akan menjadi isterinya. Oleh sebab itu, dalam majlis akad nikah hanya mahar sahaja yang disebutkan sedangkan hantaran tidak disebutkan.

3.4.3. Faktor-faktor yang mempengaruhi pengamalan mahar dan hantaran

Seiring perkembangan zaman, taraf kehidupan masyarakat pada umumnya turut dipengaruhi oleh keadaan ekonomi semasa. Wang merupakan kayu ukur dalam perkembangan ekonomi di beberapa daerah dari masa ke masa yang didapati terus meningkat. Keadaan ini kerana wang merupakan keperluan utama dalam kehidupan.

Berhubung dengan persoalan ini, faktor ekonomi telah dikenal pasti turut mempengaruhi masyarakat Islam daerah Pulau Bangka dalam pemberian mahar bagi

¹⁸⁴ Temu bual bersama Encik Yudi Hermanto, masyarakat Bandar Pangkalpinang yang belum berkahwin pada tarikh 4 September 2011.

¹⁸⁵ Nafkah awwal bermaksud nafkah yang wajib diberikan pertama kali setelah sahnya sebagai suami isteri selain nafkah-nafkah yang lain. Ia sebagai tanda tanggungjawab suami kepada isterinya.

seseorang perempuan. Malah pemberian hantaran juga sangat dipengaruhi oleh faktor tersebut.

Dengan demikian, taraf ekonomi dalam kalangan masyarakat Islam daerah Pulau Bangka turut mempengaruhi amalan pemberian mahar dan hantaran. Keadaan tersebut turut dipengaruhi oleh kenaikan harga barang-barang. Oleh itu, amalan tersebut mempengaruhi taraf hidup dan keperluan masyarakat sekarang. Seperti pernyataan responden ketujuh yang mewakili tujuh orang responden (70%), menyatakan seperti berikut:¹⁸⁶

”Yang mempengaruhi tu kan faktor ekonomi tu lah... faktor ekonomi lah, kalau misal e ekonomi dia bagus, mungkin hantaran e agak lumayan..eeh...eeh...tu mempengaruhi juga tuh....masalah ekonomi tu ken...”

Manakala nilai emas semasa dilihat tidak begitu mempengaruhi kadar mahar bagi masyarakat yang menetap di daerah perkampungan. Mahar yang berbentuk emas lebih banyak diberikan oleh mereka yang tinggal di sekitar bandar. Semua responden bersetuju bahawa emas selalunya jarang dijadikan hantaran dalam sesebuah perkahwinan dalam masyarakat Islam daerah Pulau Bangka seperti yang dinyatakan oleh responden ketiga seperti berikut:¹⁸⁷

”...dak la, men di kampung sikit orang ngasih emas tu. Beda kalok di kota, mungkin agak pengaruh. Apa agik kalo hantaran, jarang lah, bahkan dak de pulik yang pakai emas..”
(”tidak demikian juga, kalau dikampung orang hanya sedikit sahaja orang yang memberi emas. Berbeza kalau di daerah bandar, yang

¹⁸⁶ Temu bual bersama Encik Samsul Bahri, *op. cit.*


¹⁸⁷ Temu bual bersama Santi, masyarakat daerah Bangka Induk yang belum berkahwin pada tarikh 3 September 2011.

mana emas masih berpengaruh sebagai mahar. Apatah lagi hantaran, sangat jarang, bahkan tidak ada yang memberi emas.. ”)

Berbeza dengan empat orang responden lain (30%), responden kelapan yang mewakili mereka berpendapat amalan pemberian hantaran dalam sesebuah perkahwinan turut dipengaruhi oleh adat-istiadat daerah orang tua mereka, terutama dalam pemberian hantaran seperti dalam penjelasan beliau:¹⁸⁸


”...Jadi masih, eeee.. jadi pengaruh adat di daerah asalnya masing-masing itu masih kental sekali, ya misalnya...kalau,,, eeee....penentuan hantaran ini ya bukan mahar, hantaran. Kalau mahar umumnya hampir sama, tapi hantaran ini sangat berpengaruh kepada adat asalnya dari keluarga masing-masing....”

Rajah 4



¹⁸⁸ Temu bual bersama Puan Yana, masyarakat daerah Bangka Tengah yang belum berkahwin pada tarikh 18 Ogos 2011.

Rajah 5



3.4.4. Kriteria yang diambil kira dalam penetapan mahar dan hantaran

Kadar mahar dan hantaran yang ditetapkan lazimnya mempunyai ikatan dengan amalan masyarakat, khususnya adat dan kebiasaan masyarakat tempatan. Kadar tersebut turut berubah mengikut beberapa kriteria-kriteria yang dijadikan kayu ukur oleh masyarakat tempatan dalam menentukan kadar mahar dan hantaran bagi seseorang perempuan.

Demikian juga adanya yang berlaku dalam kalangan masyarakat Islam daerah Pulau Bangka. Beberapa kriteria telah diambil kira dan dijadikan kayu ukur dalam penentuan kadar mahar dan hantaran. Dalam pemerhatian pengkaji, berdasarkan temu bual yang dijalankan, beberapa daerah di kawasan Pulau Bangka mempunyai penentuan kriteria yang sama dalam pemberian mahar dan hantaran.

Berdasarkan jadual 3.5 di bawah ini, hasil kajian mendapati seramai enam orang responden (60%) bersetuju bahawa status pekerjaan lelaki sangat berpengaruh dalam pemberian mahar maupun hantaran dalam kalangan masyarakat Islam daerah

Pulau Bangka. Faktor ini diambil kira kerana sebahagian masyarakat berasa bangga apabila menantunya telah mempunyai pekerjaan sehingga mampu mencukupi keperluan hidup anak mereka. Hal ini seperti dijelaskan oleh responden kelima sebagaimana berikut:¹⁸⁹

“...kalau kite sebagai orang tua ni, ingin anak tu hidup mapan...men pacak along yang la begawe, dak kawa men la kawin agik minta kek orang tua ya..”

Namun, status pendidikan kurang diambil kira oleh masyarakat Islam daerah Pulau Bangka. Keadaan ini kerana sesetengah masyarakat beranggapan seseorang lelaki yang belum mempunyai pekerjaan, kurang mempunyai kedudukan di mata mereka walaupun lelaki tersebut berkelulusan tinggi sebagaimana pernyataan responden pertama seperti berikut:¹⁹⁰

“...kalau pendidikan setahu saya, untuk masyarakat dak ada pengaruh kan, biasa sangat-sangat dominan dari satus sosial, atau pekerjaanya (laki-laki) „gitu yah. Walaupun sarjana tapi dak kerja, biasanya dak terlalu..”

Manakala tiga orang responden (30%) pula menyatakan bahawa keturunan turut mempengaruhi pemberian mahar dan hantaran. Mereka yang berasal daripada keturunan suku Bugis selalunya hantaran lebih tinggi berbanding dengan mereka yang berasal dari daerah lain di Indonesia sebagaimana pernyataan responden keenam seperti berikut:¹⁹¹

¹⁸⁹ Temu bual bersama Puan Yani, masyarakat daerah Bangka Selatan yang telah berkahwin pada tarikh 5 September 2011.

¹⁹⁰ Temu bual bersama Encik sofyani, *op.cit.*

¹⁹¹ Temu bual bersama Encik Yudi Hermanto, *op. cit.*

“...kalau sekarang, kalau ingin melamar anak Bugis tu, siap-siaplah duit 20 juta ...kira-kira seperti itu. Kemudian nanti ada bawaan-bawaan yang lain-lainnya seperti yang dibawa orang-orang itu. Seperti itulah kata kawanku yang kawin dengan orang sana”.

Jadual 3.5
Faktor-Faktor yang menentukan kadar mahar

Responden	Kecantikan	Keturunan	Kekayaan	Pendidikan & pekerjaan	Agama	Pekerjaan lelaki
Responden 1		√				
Responden 2		√				
Responden 3						√
Responden 4						√
Responden 5						√
Responden 6		√				
Responden 7						√
Responden 8						√
Responden 9				√		
Responden 10						√

(Sumber: Maklumat temu bual)

Bagi responden kesepuluh, kriteria lain seperti kecantikan kurang diambil berat dalam masyarakat Islam daerah Pulau Bangka. Hal ini kerana kecantikan menurut seseorang, antara satu dengan satu yang lain adalah berbeza. Wanita yang cantik menurut seseorang, belum tentu cantik juga menurut seseorang yang lain.

Dengan demikian, standard kecantikan dalam kalangan masyarakat adalah berbeza seperti penjelasan beliau:¹⁹²

“ dak...dak de pengaruh tu..kadang-kadang saya lihat orangnya cikar juga tapi ngasih uangnya sedikit,, dak de faktor e tu dak. Karna tu kan relatif ok...”

3.4.5. Bentuk dan kadar mahar serta hantaran yang diamalkan

Islam tidak menetapkan kadar tertentu yang perlu diikuti dalam pemberian mahar. Namun, Islam juga tidak menegah pemberian kadar mahar yang tinggi kepada golongan perempuan selagi ia tidak menimbulkan sebarang kesulitan kepada pihak lelaki untuk melaksanakan perkahwinan. Di samping itu, Rasulullah s.a.w. telah mengajarkan melalui hadith-hadithnya supaya memberikan mahar dengan cara yang paling mudah dan tidak membebankan. Beliau memahami bahawa taraf ekonomi masyarakat adalah tidak sama antara sebuah keluarga dengan keluarga yang lain dan sebuah tempat dengan tempat lain.

Menurut syariat Islam, mahar yang hendak diberikan kepada pengantin perempuan mestilah dapat digunakan secara mutlak atau tidak diperbolehkan untuk memberikan sesuatu barang yang tidak bermanfaat sebagai mahar. Barang yang akan dijadikan mahar mestilah merupakan milik penuh calon suami.

Pada umumnya, masyarakat Islam di Indonesia tidak terikat dengan sesuatu aturan perundungan dalam menentukan kadar mahar, sama ada dalam peraturan

¹⁹² Temu bual bersama Puan Annisa Fitri, Masyarakat Simpang Teritip, daerah Bangka Barat, yang telah berkahwin, pada tarikh 7 September 2011.

Undang-undang Perkahwinan Tahun 1974 atau Kompilasi Hukum Islam. Dalam Kompilasi Hukum Islam, hanya menetapkan kewajipan pengantin lelaki untuk memberikan mahar kepada pengantin perempuan dengan bentuk dan kadar yang telah disepakati oleh kedua-dua pihak.¹⁹³

Oleh yang demikian, pengkaji mendapati seramai enam orang responden (60%) menyatakan dalam kalangan masyarakat Islam daerah Pulau Bangka menetapkan pemberian mahar melalui perbincangan bersama di antara bakal suami dan isteri. Bahkan sesetengah keluarga memberikan kepercayaan kepada kedua-dua pengantin untuk menetapkan sendiri mahar yang akan diberikan. Sesetengah keluarga tersebut meyakini bahawa mahar merupakan hak mutlak untuk seorang isteri. Penjelasan ini dinyatakan oleh responden ketujuh seperti berikut:¹⁹⁴


”di sini ya...pada umum, kalau mahar tu kesepakatan antar,,anoklah,,, antara kedua-dua belah pihak, terutama kedua-dua mempelai laki-laki dan perempuan.....kalok hantaran...”

Manakala sebahagian responden seramai tiga orang (30%) yang menyatakan pemberian mahar dalam kalangan masyarakat Islam daerah Pulau Bangka ditentukan mengikut pertimbangan dan persetujuan antara kedua-dua pihak keluarga pengantin. Seorang responden (10%) sahaja yang menyatakan ketetapan pemberian mahar dalam kalangan masyarakat Islam daerah Pulau Bangka berdasarkan penentuan yang diminta oleh perempuan. Lihat rajah 6.

¹⁹³ Kompilasi Hukum Islam, Bab V tentang mahar, pasal 30.

¹⁹⁴ Temu bual bersama Encik Samsul Bahri, *op.cit.*

Rajah 6



Pengkaji mendapati kesemua responden bersetuju bahawa pemberian hantaran yang berbentuk wang lazimnya dengan kesepakatan keluarga antara kedua-dua belah pihak. Hal ini disebabkan wang tersebut selalunya berhubung kait dengan majlis perkahwinan yang akan diadakan. Tambahan pula, apabila majlis perkahwinan tersebut melibatkan orang ramai tentulah banyak menghabiskan wang. Dengan demikian, pemberian hantaran yang berbentuk wang mestilah mengikut pertimbangan dan persetujuan keluarga kedua-dua belah pengantin. Manakala hantaran berupa barang-barang kemas dan pakaian ditentukan menurut permintaan daripada pihak pengantin perempuan seperti penjelasan responden kelapan sebagaimana berikut:¹⁹⁵

"nii, kebanyakan e tu, jadi kesepakatan kedua-dua belah pihak keluarga, bukan mempelai....karna dipakai walimah kan,kalau yang barang-barang tu biasa e orang perempuan yang minta, cemtu..."

Bagi masyarakat Islam daerah Pulau Bangka mahar yang diberikan terdiri daripada pelbagai macam. Pada umumnya, mahar yang diberikan adalah dalam bentuk wang tunai, emas dan seperangkat alat solat. Majoriti responden, iaitu

¹⁹⁵ Temu bual bersama Puan Yana, *op. cit.*

seramai lima orang (50%) menyatakan bahawa mahar yang diberikan berupa seperangkat alat solat dan tiga orang responden (30%) menyatakan emas seperti cincin seperti penjelasan responden kesembilan sebagaimana berikut:¹⁹⁶

”...mahar ini...rate-rate seperangkat alat solat...yang banyak ok, yang kedua cincin....tu yang...yang kebanyakannya disini. Pertama seperangkat alat solat yang kedua cincin...”

Demikian pula, penjelasan responden kesepuluh menyatakan mahar yang berupa emas lazimnya cincin antara 5 hingga 10 mata¹⁹⁷. Beliau menjelaskan seperti berikut:¹⁹⁸

”Emas...emas sepuluh mata...lima mata. Biasa a bentuk cincin”

Wang rupiah dalam kalangan masyarakat Islam daerah Pulau Bangka juga turut dijadikan sebagai mahar, seramai dua orang responden (20%) menyatakan demikian. Wang tersebut antara 50 rupiah hingga seratus ribu rupiah seperti penjelasan responden pertama sebagaimana berikut:¹⁹⁹

”...karna di sini masyarakatnya juga hitrogen, ada yang dari suku Madura, ada yang dari Jawa, ada yang dari Bangka sendiri. Madura biasanya mahar paling mahal 20 ribu,, murah semuruah-murahnya, pernah juga 500 rupiah..maharnya, kalau perempuan Madura itu.....iya ada. Paling mahal 20 ribu gitu, ada juga tapi dak begitu banyak 100 ribu, paling, satu, dua oranglah gitu. Rata-rata 20 ribu, kisaran 5 ribu sampai 20 ribu.”

¹⁹⁶ Temu bual bersama Tuan Syarifuddin Razak, *op. cit.*

¹⁹⁷ 1 gram bersamaan dengan 2.67 mata emas

¹⁹⁸ Temu bual bersama Puan Annisa Fitri, *op. cit.*

¹⁹⁹ Temu bual bersama Encik Soyan, *op. cit.*

Namun begitu, di beberapa daerah ditemui calon pengantin yang menjadikan wang dalam jumlah tertentu sebagai mahar. Selalunya disesuaikan dengan tarikh, bulan dan tahun mereka melangsungkan perkahwinan.²⁰⁰ Hal ini diyakini untuk memudahkan dalam mengingati hari yang istimewa dalam kehidupan mereka.²⁰¹

Bagi hantaran yang berupa wang, responden kesembilan menyatakan bahawa daripada hasil pengalaman dan pengamatan beliau, wang yang diberikan selalunya berjumlah 30 juta rupiah untuk pelaksanaan walimah. Manakala hantaran berupa benda pada umumnya alat-alat keperluan pengantin perempuan seperti barang-barang kemas, pakaian dan kasut. Beliau menjelaskan seperti berikut:²⁰²

"...kalau hantaran sendiri, setahu kami, sepengamatan kami, kalau yang...yang barang-barang hantaran itu, pertama yang mereka bawa itu, selimut. Karna ku tau dibentuknya kayak bebek kek, angsa, itu...itu selimut yah. Kemudian alat-alat perempuan, taulah...eem. kemudian ada juga, sandal atau sepatu. Mereka ken banyak, kalau dulu ken pakai talem, sekarang ken pakai ragak-ragak tuh..haa, tu keliatan di situ karna bungkusnya tu kan transparan. Saya perhatikan di situ...naah...itu...itu yang umumnya, kemudian alat kecantikan...kecantikan perempuan tuh...hantaran tuu...nah itu.....kalau sekarang, standardnya tigapuluh...tigapuluh...iya, kalau disini standarnya tigapuluh, ya! Ada yang di atas itu, tetapi ada juga yang di bawah itu, kita dak usah ngitunglah yang namanya ekonomi lemah, kita dak usah ngitung..kita kan ngitung standar e eh, standard batas normal tiga puluhlah, uang hantaran itu yah!"

Selama pemerhatian pengkaji sepanjang kajian dijalankan, sesetengah masyarakat Islam Pulau Bangka bahagian selatan memang meletakkan hantaran yang terlalu tinggi untuk perkahwinan sehingga hantaran tersebut membebankan pihak lelaki. Keadaan ini berpunca daripada sikap mereka yang ingin bermegah-megah

²⁰⁰ Contoh seperti hari perkahwinan yang dilaksanakan pada tarikh 1 November 2011(1/11/2011) maka mahar yang diberikan berbentuk wang dengan jumlah 1,011,200.11 rupiah.

²⁰¹ Temu bual bersama Encik Yudi Hermanto, *op. cit.*

²⁰² Temu bual bersama Tuan Syarifuddin Razak, *op. cit.*

dalam pelaksanaan majlis perkahwinan. Bahkan sesetengah ibu bapa berasa malu kalau tidak dapat melaksanakan majlis perkahwinan untuk anak perempuannya yang akan berkahwin.²⁰³ Kenyataan ini dapat dilihat semasa majlis perkahwinan, majoriti masyarakatnya selalu menyediakan hiburan berupa kumpulan *band* atau *orgen tunggal*²⁰⁴ untuk menghiburkan para tetamu yang datang. Selain itu, masyarakat tersebut meyakini semakin banyak mereka menjemput tetamu untuk menghadiri majlis tersebut, semakin tinggi status kedudukan keluarganya di mata masyarakat.

3.4.6. Pembayaran mahar dan hantaran yang diamalkan

Islam tidak mewajibkan mahar disebut dalam akad nikah. Islam juga tidak menguatkan mahar dibayar secara tunai.²⁰⁵ Hal ini terpulang kepada persetujuan kedua-dua pihak yang akan berkahwin.

Walau bagaimanapun, sepanjang pemerhatian pengkaji, amalan masyarakat Islam daerah Pulau Bangka selama ini, jumlah mahar akan disebutkan secara terperinci pada masa akad nikah dilangsungkan. Walaupun mahar yang diberikan berjumlah sedikit, seperti 20 ribu rupiah, mahar tersebut selalunya dibayar dengan tunai. Hal ini adalah untuk mengelakkan perselisihan di kemudian hari. Jarang sekali terdapat dalam kalangan masyarakat Islam daerah Pulau Bangka, maharnya yang dibayar secara berhutang. Amalan ini seolah-olah menjadi suatu perkara yang dimestikan sehingga sekarang seperti yang dinyatakan oleh responden pertama seperti berikut:²⁰⁶

²⁰³ Temu bual bersama Afriadi, *op. cit.*

²⁰⁴ Kumpulan *band* yang hanya terdiri daripada beberapa penyanyi dan satu atau dua pemain muzik sahaja.

²⁰⁵ Sālim Ibn `Abd al-Ghanī al-Rāfi`ī (2002), *op. cit*, h. 459.

²⁰⁶ Temu bual bersama Encik Sofyan, *op. cit.*

“cara pembayaran mahar ...oooh.....alhamdulillah selama ini di masyarakat semuanya tunai, atau kes,yaa...alhamdulillah belum ada yang sampai berhutang, walaupun sekicil-kecil apapun selalu kes tunai”.

Penyerahan mahar ini selalunya dilakukan pada masa akad nikah dilangsungkan. Penyerahan tersebut selalunya dilakukan di hadapan jurunikah yang akan melaksanakan proses perkahwinan dengan disaksikan oleh dua orang saksi. Selalunya mahar yang dibayar adalah sama dengan yang tercatat di dalam borang permohonan untuk berkahwin.²⁰⁷

Manakala hantaran yang berbentuk benda seperti pakaian, benda kemas, perhiasan dan lain-lain, akan diserahkan kepada pengantin perempuan dalam majlis akad nikah. Hantaran yang berbentuk wang pula akan diserahkan lebih kurang seminggu sebelum majlis perkahwinan diadakan. Wang hantaran tersebut kebiasaannya diserahkan kepada ibu bapa pengantin perempuan untuk digunakan membeli barang-barang ketika majlis perkahwinan seperti yang dinyatakan oleh responden kesembilan sebagaimana berikut:²⁰⁸

“...segala macam persedekahan itu, biasanya diberikan jauh-jauh sebelum acara dilaksanakan, ya.. uang misalnya kan.....kalau hantaran itu biasanya, orang tuanya yang menentukan, karna itu menyangkut masalah... anupersedekahan..., apa,, masih membudaya dikita ini masalah persedekahan itu....seolah-olah kan masih kewajiban orang tuanya...”

Baki wang hantaran akan diserahkan semula kepada pengantin perempuan. Baki tersebut akan digunakan oleh perempuan itu mengikut kemahuannya, seperti

²⁰⁷ Temu bual bersama Tuan Dollar, *op.cit.*

²⁰⁸ Temu bual bersama Tuan Syarifuddin Rozak, *op.cit.*

membeli barang kemas ataupun yang seumpama dengannya atas nasihat ibu bapanya.²⁰⁹

3.5. Kesimpulan

Berdasarkan penjelasan di atas menunjukkan bahawa masyarakat Islam daerah Pulau Bangka mempunyai amalan yang berbeza-beza dalam pemberian mahar dan hantaran. Walaupun masyarakat tersebut telah memahami kedudukan (hukum) dalam pemberian mahar dan hantaran, namun pemberian hantaran lebih diutamakan.

Beberapa faktor turut mempengaruhi penentuan kadar mahar dan hantaran dalam kalangan masyarakat Islam daerah Pulau Bangka, seperti adat istiadat tempatan, faktor ekonomi dan nilai semasa emas. Manakala status pekerjaan lelaki lebih diambil kira dalam penentuan kadar tersebut.

Pada umumnya, mahar yang selalu diberikan adalah dalam bentuk seperangkat alat solat, emas atau wang selalunya dibayar dengan tunai. Hantaran yang lazimnya berbentuk wang digunakan untuk pelaksanaan majlis perkahwinan tersebut. Bahkan di sebahagian daerah Pulau Bangka menjadikan hantaran sebagai penjelas status kedudukan keluarga dalam masyarakat sehingga hantaran yang akan diberikan cenderung lebih tinggi.

²⁰⁹ Temu bual bersama Puan Annisa Fitri, *op. cit.*